

NO SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN
YAHDAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam mengelakkan konflik antara keputusan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di dalam kes penjagaan hak anak antara orang mualaf.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam kes ***Viran a/l Nagapan v Deepa a/p Subramaniam and other appeals [2016] 1 MLJ 585*** yang telah diputuskan pada 10 Februari 2016, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa perkara berkenaan dengan hak jagaan anak yang berbangkit daripada penukaran agama oleh salah seorang pasangan bukan Islam yang berkahwin di bawah undang-undang sivil adalah terletak di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah sivil.
2. Oleh itu, isu konflik bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak berbangkit dalam perkara berkaitan dengan hak jagaan anak yang melibatkan mualaf.
3. Sungguhpun begitu, bagi memastikan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama seperti pembubaran perkahwinan, hak jagaan anak, pemberian nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak dan pembahagian aset perkahwinan dapat diselesaikan dengan berkesan, Kerajaan sedang meneliti dan akan membuat pindaan yang sewajarnya kepada undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] serta pindaan-pindaan selari ke atas Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN
OSMAN [GERIK]**

SOALAN : 47

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

Apakah perancangan pihak Kementerian dalam mendidik serta melatih Orang Asli berdikari agar mereka mendapat penambahan pendapatan atau pendapatan sendiri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk mendidik dan melatih masyarakat Orang Asli meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Sebanyak RM24 juta diperuntukkan pada tahun ini bagi melaksanakan Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Usahawan bagi masyarakat Orang Asli.

Program Pembangunan Ekonomi

Dalam usaha melonjakkan pembangunan ekonomi berdaya maju kepada masyarakat Orang Asli, Projek Tanaman Komersial getah dan kelapa sawit terus diperkasakan. Sehingga kini, JAKOA dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 155 projek Tanaman Semula Komersial dengan keluasan 22,720.47 hektar. Projek tersebut telah memberi faedah kepada

8,817 peserta Orang Asli dengan dividen dibayar sebanyak RM350 hingga RM1,000 sebulan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi. Selain itu, peserta juga diberikan peluang pekerjaan sebagai buruh ladang untuk menambah pendapatan. Sementara itu, pada tahun 2016, Kementerian melalui JAKOA akan membuka ladang baru seluas 430 hektar dengan kos sebanyak RM1.57juta. Pembukaan ladang ini akan memberi manfaat kepada 262 orang peserta. Matlamat akhir JAKOA adalah untuk menyerahkan ladang-ladang tersebut kepada peserta melalui koperasi Orang Asli.

Selain Tanaman Komersial, Kementerian melalui JAKOA juga telah melaksanakan Projek Ladang Masyarakat untuk menambah pendapatan masyarakat Orang Asli. Sebanyak 36 buah ladang telah dibuka sehingga tahun 2015 dan sebanyak 15 buah ladang dengan keluasan 704.61 hektar dijangka dibuka pada tahun 2016. Seramai 1,871 Orang Asli telah menerima bantuan tersebut di bawah RMK10 dan seramai 554 Orang Asli lagi dijangka mendapat maanfaat di bawah RMK11.

Kementerian juga menyediakan program bantuan input pertanian sebagai usaha menggalakkan Orang Asli

untuk mengusahakan aktiviti pertanian dan ternakan di perkampungan mereka. Seramai 1,000 Orang Asli dijangka mendapat maanfaat di bawah RMK11.

Program Pembangunan Usahawan

Pembangunan Usahawan Orang Asli turut diberi keutamaan bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mampu berdikari dan berdaya saing dalam melonjakkan ekonomi dan pendapatan mereka. Sehubungan itu, JAKOA berhasrat untuk melahirkan 600 usahawan baru di bawah RMKe-11. Sehingga Disember 2015, jumlah usahawan yang aktif adalah seramai 534 orang dan mereka telah menerima bantuan yang disalurkan oleh JAKOA seperti premis perniagaan, peralatan perniagaan, kursus dan latihan yang berkaitan.

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

Selain Program Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Usahawan, Kementerian melalui JAKOA juga melaksanakan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan

meningkatkan kemahiran Orang Asli supaya mereka mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan perkhidmatan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi. Di bawah RMK10, sebanyak 134 latihan telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 3,072 orang telah mendapat manfaat daripada program ini. Di bawah RMK11, dijangka seramai 1,000 orang akan dilatih berdasarkan jumlah peruntukan yang akan diterima.